



Ruj Kami : JANM.600-2/2/6 (16)

Tarikh : **22** September 2025

Semua Ketua Akauntan Kementerian

Semua Pengarah Negeri dan Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Tuan/ Puan,

**PENYERAHAN KERTAS KERJA SOKONGAN DAN SIJIL PENGESAHAN BAKI
PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN KEWANGAN 2025
(LEJAR TUNAI UBAHSUAI)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Penutupan Akaun Interim Kerajaan Persekutuan bagi Tahun Kewangan 2025 adalah pada 30 September 2025 dan Penutupan Akaun Akhir Kerajaan Persekutuan bagi Tahun Kewangan 2025 adalah pada 31 Disember 2025. Bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun Kewangan 2025 disediakan mengikut tarikh yang ditetapkan, Ketua Akauntan dan Pengarah Negeri/ Cawangan hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara seperti berikut:

- (a) Mematuhi tarikh Penutupan Akaun yang telah ditetapkan;
- (b) Menyediakan Kertas Kerja Sokongan berdasarkan lejar tunai mengikut Garis Panduan Penyediaan dan Penyerahan Kertas Kerja Sokongan yang disertakan bersama surat ini;
- (c) Memastikan semua dokumen kewangan yang diperlukan bagi tujuan pengauditan diserahkan kepada wakil Ketua Audit Negara masing-masing dengan lengkap dan sempurna; dan
- (d) Memastikan Kertas Kerja Sokongan berserta surat litup dikemukakan kepada BPOPA sebanyak **dua (2) salinan** dan sesalinan surat litup kepada BPOPP selewat-lewatnya **20 Oktober 2025 (Isnin)** bagi Penutupan Interim dan **16 Februari 2026 (Isnin)** bagi Penutupan Akhir.

3. Kertas Kerja Sokongan yang disediakan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan serta disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Akauntan Kementerian dan Pengarah Negeri/ Cawangan. Format Kertas Kerja Sokongan tersebut boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia di <https://www.anm.gov.my>.

4. Perhatian dan kerjasama tuan/ puan untuk mematuhi garis panduan yang ditetapkan amatlah dihargai bagi memastikan Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun Kewangan 2025 berjalan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOORLIDA BINTI MOHD KHALID C.A.(M))

Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

bp: Akauntan Negara Malaysia

s.k.

P BPOPP

TP BPOPA